



PELANCARAN GARIS PANDUAN PEMBERIAN PINJAMAN WANG DALAM TALIAN UNTUK SYARIKAT KREDIT KOMUNITI



Pada 13 November 2020, YB Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin selaku Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah melancarkan Garis Panduan Pemberian Pinjaman Wang Dalam Talian yang berlangsung secara maya dari Dewan Kristal, KPKT.

Garis panduan ini dibangunkan bagi pelaksanaan urusan pinjaman wang secara dalam talian sebagai rujukan kepada syarikat Kredit Komuniti berlesen di bawah KPKT yang berhasrat untuk menjalankan urusan tersebut secara dalam talian. Ia juga dibangunkan bagi mengurangkan jurang teknologi digital dan memudahkan pelaksanaan urusan kredit komuniti selaras dengan kehendak dan suasana norma baharu.



Garis panduan ini juga dapat mewujudkan satu persekitaran urusniaga pinjaman wang yang lebih kondusif, selamat, terkawal dan teratur sebagai usaha Kementerian untuk memodenkan industri pemberi pinjaman wang (Kredit Komuniti) selaras dengan usaha penjenamaan semula industri tersebut.

Bagi memastikan Garis Panduan Pemberian Pinjaman Wang Dalam Talian (*Kredit Komuniti*) ini memenuhi peruntukan perundangan dan peraturan yang berkuatkuasa, kerjasama dan penganjuran beberapa sesi libat urus dengan pelbagai agensi kerajaan turut diadakan termasuk Bahagian Siasatan Jenayah Siber dan Multimedia, Jabatan Siasatan Jenayah Komersil Polis DiRaja Malaysia (JSJK, PDRM), Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM), Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP), Bank Negara Malaysia (BNM) dan Jabatan Peguam Negara.

Bagi fasa pertama pelancaran Garis Panduan Pemberian Pinjaman Wang Dalam Talian ini, terdapat lapan (8) syarikat Kredit Komuniti yang telah mengemukakan permohonan secara rasmi kepada KPKT dan dibenarkan untuk menjalankan urusniaga pinjaman wang secara dalam talian. Beberapa siri libat urus telah pun dilaksanakan bersama syarikat-syarikat yang terlibat semasa fasa pembangunan garis panduan berkenaan. Syarikat-syarikat berkenaan adalah

- ✓ Axiata Digital Capital Sdn.Bhd,
- ✓ Grabfin Operations (Malaysia) Sdn. Bhd,
- ✓ GHL Payments Sdn.Bhd,
- ✓ Presto Credit Sdn.Bhd,
- ✓ JCL Credit Leasing Sdn.Bhd,
- ✓ Fortune Tree Capital Sdn.Bhd,
- ✓ BigPay Later Sdn.Bhd dan
- ✓ Hoop Fintech Sdn.Bhd.

KPKT juga akan memastikan agar urusniaga secara dalam talian oleh syarikat-syarikat Kredit Komuniti ini dilaksanakan dengan beretika dengan pematuhan sepenuhnya kepada Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 [Akta 400] serta peraturan yang berkuatkuasa.

Majlis ini turut disaksikan oleh YB Dato' Sri Dr. Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan YBhg. Datuk Zainal Abidin Bin Abu Hassan, Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

